

PELAKSANAAN AMALAN PENGURUSAN RISIKO YANG BAIK BAGI INSTITUSI ZAKAT

Implementation of Good Risk Management Practices For Zakat Institution

Azharudin Ali^{1*}

Mohamad Naimi Mohamad Nor²

Rohami Shafie³

Wan Norhayati Wan Ahmad⁴

^{1,2,3,4}Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia. *azharudin@uum.edu.my

*Corresponding author (Email: azharudin@uum.edu.my)

Diterima: 1 Februari 2019, Diproses: 15 Februari 2019, Diterbitkan: 3 Mac 2019.

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang baik bagi institusi zakat. Bagi melaksanakannya tiga aspek iaitu sistem, modal insan dan proses perlu diberi penekanan. Sistem adalah merujuk kepada infrastruktur, teknologi dan prasarana institusi zakat. Manakala modal insan melibatkan peranan ahli lembaga pengarah, pengurusan tertinggi dan ketua jabatan dalam memastikan amalan pengurusan risiko dapat dilaksanakan dengan baik. Bagi proses pula, aspek ini perlu diterjemahkan dalam kerangka pengurusan risiko yang jelas melibatkan aturan yang sistematik yang boleh dilaksanakan oleh modal insan dalam institusi zakat. Selain itu, artikel ini juga membincangkan tentang cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh institusi zakat agar pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang baik tidak terjejas sehingga memberi kesan yang negatif kepada organisasi. Secara keseluruhannya, artikel ini menjadi asas kepada pihak-pihak yang berkaitan terutamanya membantu institusi zakat untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik demi kelestarian organisasi dan kemaslahatan umat Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Pelaksanaan Pengurusan Risiko, Institusi Zakat, Kemaslahatan Umat, Tadbir Urus Zakat.

Abstract: This article discusses the implementation of good risk management practices for zakat institutions. To implement this risk management practices, three aspects namely system, human capital and processes need to be emphasized. The system refers to the infrastructure, technology and facility of zakat institutions. Meanwhile, human capital involves the role of board members, top management and head of department in ensuring that risk management practices are well implemented. For the process, this aspect should be interpreted in a clearly defined risk management framework involving a systematic arrangement that can be implemented by human capital in zakat institutions. In addition, this article also discusses the challenges faced by zakat institutions for the implementation of good risk management practices so that the implementation process will not negatively affect the organization. On the whole, this article serves as the basis for the relevant parties, especially in helping zakat

institutions to safeguard good risk management practices for the sake of the organization and benefit of Muslims in Malaysia.

Keywords: *Implementation of Risk Management, Zakat Institutions, Benefit of Muslims, Zakat Governance*

PENGENALAN

Zakat merupakan satu kaedah dalam sistem ekonomi Islam yang telah wujud lebih daripada seribu tahun yang lalu. Kewajipan menunaikan zakat telah disyariatkan di dalam Al-Quran dan turut dijelaskan melalui hadis Rasullulah SAW. Secara umumnya, zakat merupakan satu kaedah penyucian harta milikan seseorang atau organisasi dengan cara mengagihkan kekayaan tersebut kepada golongan yang layak menerimanya (asnaf). Selain daripada tujuan untuk menyucikan harta, melalui zakat juga taraf ekonomi umat Islam dapat dipertingkatkan dan seterusnya mengurangkan jurang kemiskinan antara golongan miskin dan kaya. Bagi memastikan matlamat zakat dapat dicapai, Islam telah menetapkan beberapa kriteria bagi menentukan samada seseorang/institusi itu perlu mengeluarkan zakat atau tidak. Di samping itu, beberapa syarat juga telah ditetapkan dalam menentukan kelayakan penerima agihan zakat dan dengan ini harta daripada pemberi zakat dapat diagihkan kepada golongan yang sewajarnya.

Untuk memastikan kutipan dan agihan zakat berjalan secara berkesan, kerajaan atau pemerintah telah menubuhkan sebuah institusi khusus yang mengendalikan segala urusan berkaitan zakat. Institusi ini mempunyai peranan besar untuk membantu mencapai objektif zakat dan bertanggungjawab sepenuhnya menjaga kepentingan pembayar dan penerima zakat. Di Malaysia, termasuklah di Kedah, urusan zakat diuruskan oleh setiap negeri melalui badan/lembaga zakat yang tersendiri. Ekoran daripada itu, urusan perjalanan institusi zakat adalah berbeza di antara negeri memandangkan institusi ini ditadbir dan tertakluk kepada peraturan di sesebuah negeri tersebut.

Secara umumnya, peranan sesebuah istituti zakat dalam proses penerimaan zakat melibatkan peningkatan kesedaran bayaran zakat, mengurus perlantikan amil zakat dan merekodkan penerimaan bayaran zakat. Bagi aspek pengagihan zakat, institusi ini berperanan untuk mengurus permohonan zakat, mengurus agihan asnaf zakat, mengurus agihan bahagian amil, membangunkan projek untuk asnaf.

Malah, mentadbir urus zakat adalah aspek yang cukup penting, lebih-lebih lagi trend peningkatan jumlah kutipan dan agihan zakat setiap tahun. Misalnya, di negeri Kedah, data yang di peroleh daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah, bagi tahun 2015 jumlah kutipan ialah RM133.9 juta dan meningkat pada tahun 2016 kepada RM140.4 juta. Dari segi agihan pula, jumlah yang diagihkan ialah sebanyak RM144.8 juta pada tahun 2016. Jumlah agihan ini meningkat sebanyak RM11.7 juta berbanding jumlah agihan pada tahun 2015 iaitu RM133.1 juta. Di samping itu, kebanyakan kutipan zakat yang diterima adalah dalam bentuk zakat pendapatan, serta terdapat lebih dari 60,000 penerima zakat (orang/institusi/pusat) di seluruh negeri Kedah (Laporan Tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2016).

Memandangkan terdapat trend peningkatan dalam jumlah kutipan zakat dan bilangan penerima asnaf yang banyak, proses agihan dan kutipan zakat terdedah kepada beberapa risiko. Antara risiko yang terlibat ialah risiko strategik, risiko operasi, risiko kewangan, risiko

pematuhan dan risiko reputasi. Oleh yang demikian, institusi zakat perlulah mengamalkan pengurusan risiko yang baik supaya kesan risiko ini dapat diminimumkan. Apatah lagi sebagai sebuah institusi keagamaan dan ekonomi umat Islam, aspek amalan pengurusan risiko patut diambil berat supaya kepentingan umat Islam seluruhnya terpelihara.

Ini kerana terdapat pelbagai perspektif yang dilontarkan oleh orang ramai berkaitan keberkesanan institusi zakat dalam menjalankan fungsinya. Antara aspek yang menjadi perhatian ramai ialah tentang keberkesanan dan keupayaan institusi ini dalam menguruskan agihan zakat. Masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada institusi zakat untuk menyalurkan agihan zakat kepada asnaf dan seterusnya mengeluarkan asnaf tersebut dari permasalahan ekonomi yang serius.

Proses kutipan dan agihan zakat melalui beberapa peringkat dan melibatkan pihak yang pelbagai, terdapat kemungkinan berlakunya risiko dalam yang tidak diingini dalam aktiviti kutipan dan agihan zakat. Risiko merupakan kesan (jangka panjang/pendek) ketidakpastian, sama ada berbentuk positif atau negatif, yang mungkin berlaku ke atas objektif/matlamat sesebuah organisasi (ISO31000, 2010). Risiko yang mungkin akan berlaku ini mempunyai perkaitan rapat dengan operasi, taktikal, dan strategi institusi (AIRMIC, Alarm, IRM, 2010). Strategi merujuk kepada perancangan jangka panjang organisasi (3 hingga 5 tahun), manakala taktikal adalah berkaitan bagaimana organisasi merancang untuk mencapai perubahan. Manakala operasi adalah merujuk kepada aktiviti rutin organisasi tersebut.

Bagi meminimumkan kesan ketidakpastian ke atas objektif organisasi, pihak pengurusan mempunyai peranan yang besar untuk menguruskan risiko tersebut dengan baik (COSO, 2017). Pihak pengurusan bertanggungjawab memilih dan memperbaiki strategi pengurusan risiko. Di samping itu, melalui proses pengurusan risiko, pihak pengurusan akan mendapat kefahaman yang lebih baik tentang bagaimana kewujudan sesuatu risiko itu memberi kesan ke atas pemilihan strategi yang patut digunapakai. Dalam menentukan strategi yang sesuai, aspek kekuatan dan kelemahan organisasi akan diambil kira. Ini akan memberi keyakinan kepada organisasi dalam mengaplikasi strategi risiko memandangkan pihak pengurusan telah menimbang pelbagai alternatif strategi dan kesannya ke atas organisasi.

Kepentingan amalan risiko dalam institusi zakat ini boleh dihubungkan dengan hadith Rasulullah SAW. Baginda telah menegaskan "Apabila engkau telah tunaikan zakat itu kepada utusanku (amil), maka engkau telah bebas daripada tanggungan zakat itu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan engkau sudah mendapatkan pahalanya, sedang dosanya ditanggung oleh orang yang menyelewengkannya (yakni para amil yang diamanahkan menguruskannya)" (Riwayat Ahmad). Dari aspek pelaksanaan pengurusan zakat, terdapat institusi zakat di Malaysia yang telah memasukkan sistem agihan sebagai sesuatu yang mesti dipatuhi. Contohnya, Kerajaan Selangor pada 29 Ogos 1994 telah menerbitkan Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, pelaksanaan pengurusan risiko di institusi zakat adalah sangat penting demi kemaslahatan ummah dan ini memudahkan institusi ini mencapai sasaran atau objektif yang telah ditetapkan. Di samping itu, sebarang permasalahan dan cabaran yang bakal dihadapi oleh insitusi ini akan dapat diuruskan dengan baik dan membolehkannya menjalankan peranan sebagai agen perubahan ekonomi umat Islam.

ULASAN KARYA

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan di Malaysia berkaitan peranan pengurusan risiko dalam organisasi. Kajian lepas ini memberikan kefahaman tentang keberkesanan pengurusan risiko ke arah memastikan kesinambungan masa hadapan sesebuah organisasi.

Namun demikian, kajian lepas dalam bidang pengurusan risiko lebih tertumpu kepada sektor korporat. Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kualiti lembaga pengarah memberi kesan terhadap penubuhan jawatankuasa pengurusan risiko (Yatim, 2010). Kajian yang hampir sama dilakukan oleh Mohd Ghazali (2012) telah menjelaskan bahawa kewujudan jawatankuasa pengurusan risiko dipengaruhi oleh saiz organisasi dan pendedahan maklumat berkaitan risiko kredit dianggap penting dalam kalangan pihak pengurusan.

Selain daripada itu, kajian lepas turut menerangkan bahawa jawatankuasa pengurusan risiko mempunyai pengaruh positif ke atas kualiti kewangan syarikat (Hassan, Mohd Salleh, Yatim dan Che Abdul Rahman, 2012). Kajian-kajian lain juga telah menunjukkan bahawa jawatankuasa pengurusan risiko mempunyai kesan terhadap jenis laporan audit dan kualiti pelaporan dalam laporan tahunan syarikat (Ishak dan Md Yusuf, 2013; Abdullah, Ismail dan Isa, 2015).

Dalam kebelakangan ini, kajian pengurusan risiko menggunakan pendekatan yang berbeza. Berbanding hanya mengkaji kesan jawatankuasa pengurusan risiko, kajian terkini melihat kesan gabungan jawatankuasa (jawatankuasa risiko dan jawatankuasa audit) terhadap penyata kewangan. Ali, Besar dan Mastuki (2017) mendapati bahawa gabungan beberapa ciri dalam kedua-dua jawatankuasa ini boleh memberi kesan negatif terhadap kualiti penyata kewangan. Di samping itu, unsur faktor pengurusan risiko enterprise turut dikaji dan didapati bahawa kebanyakan syarikat telah pun mengaplikasikan pengurusan risiko enterprise (Hj Togok, Isa and Zainuddin, 2016).

Terdapat beberapa kajian berkaitan institusi zakat yang telah dijalankan sebelum ini. Kajian ini secara umumnya menumpukan kepada amalan tadbir urus institusi zakat (Md Hussain, Md. Idris, Kamil dan Saad, 2012; Wahid, Ahmad dan Abdul Kader, 2012) dan tidak mengambil kira secara mendalam peranan pengurusan risiko dalam institusi tersebut.

Memandangkan kajian lepas banyak tertumpu kepada sektor korporat dan tadbir urus institusi zakat, amatlah penting kajian dilakukan secara spesifik bagi melihat amalan pengurusan risiko di institusi yang tidak bermotif keuntungan terutamanya, institusi keagamaan. Ini kerana matlamat penubuhan dan struktur kedua-dua organisasi ini adalah berbeza. Matlamat dan struktur yang berbeza ini memungkinkan strategi risiko yang dipilih juga adalah berlainan. Di samping itu, kajian berkaitan keberkesanan pengurusan risiko di institusi keagamaan patut diberi perhatian untuk menjamin kelancaran aktiviti organisasi. Bagi institusi zakat, aktiviti agihan dan kutipan zakat merupakan fokus yang terpenting.

KEPENTINGAN PENGURUSAN RISIKO

Dalam dunia serba pantas ini, menguruskan risiko yang sentiasa berubah dan berkembang dengan cepat ada satu keperluan bagi mana-mana organisasi. Ini bagi mengurangkan ancaman risiko dan memaksimumkan potensinya yang memberi manfaat kepada organisasi. Maka, dalam usaha untuk bersaing dan berjaya di dalam persekitaran perniagaan yang serba mencabar ini, organisasi perlu untuk menguruskan pelbagai jenis risiko yang dihadapinya secara berkesan untuk menjadi lebih berdaya tahan.

Tambahan pula, pelbagai krisis kerap menyerang dan mengancam agenda organisasi yang datangnya dari segala arah yang mana sebahagian ancaman ini datangnya dari dalam organisasi, manakala sebahagiannya pula datang dari luar organisasi yang disebabkan oleh peristiwa-peristiwa yang tidak terduga atau kekurangan pelan dan rancangan tindak balas. Atas sebab ini pengurusan risiko menjadi alat yang kritikal untuk membolehkan sesebuah organisasi mencapai objektif dan jangkaan serta dapat bertindak balas secara berkesan terhadap apa-apa peristiwa atau aktiviti yang boleh mengganggu pencapaian objektif organisasi.

CABARAN PENGURUSAN RISIKO DI INSTITUSI ZAKAT

Institusi zakat juga tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran yang tersendiri dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik. Artikel ini mengenalpasti empat cabaran utama dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik di institusi zakat. Cabaran utama melibatkan pemahaman yang rendah dalam kalangan pemain institusi zakat. Hal ini berlaku sedemikian rupa kerana pengurusan risiko adalah satu perkara yang baharu bagi institusi zakat. Tidak sebagaimana pemahaman yang tinggi dalam kalangan sektor korporat terutamanya syarikat senarai awam dan sektor perbankan, pemahaman institusi zakat mengenai pengurusan risiko masih lagi rendah. Justeru, cabaran kedua sudah tentulah berkaitan dengan isu institusi zakat yang tidak memiliki kepakaran khusus yang mampu melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik sehingga memberi kesan positif kepada organisasi secara keseluruhannya. Malah, tidaklah satu yang mengejutkan apabila terdapat institusi zakat yang telah mendapatkan khidmat rundingan daripada pihak luar bagi membolehkan amalan pengurusan risiko yang baik dilaksanakan dalam organisasi mereka.

Selain itu, cabaran ketiga melibatkan jangkaan tinggi daripada pemegang taruh yang semakin mengkehendaki institusi zakat menjalankan amanah yang diberikan secara cekap dan berkesan. Memandangkan jangkaan pemegang taruh terutamanya umat Islam semakin tinggi, maka ini adalah satu cabaran buat institusi zakat melaksanakan amanah yang diberikan kepadanya dilaksanakan dengan cara terbaik. Amalan pengurusan risiko yang baik adalah satu mekanisme yang mampu mengurangkan jangkaan pemegang taruh dan sekaligus memenuhi jangkaan mereka. Ini selaras dengan jumlah kutipan zakat yang semakin tinggi saban tahun menyebabkan institusi zakat perlu memenuhi kehendak dan jangkaan pemegang taruh yang semakin tinggi dewasa ini. Malah, persaingan untuk meningkatkan kutipan zakat dalam kalangan institusi zakat juga merupakan satu lagi cabaran buat mana-mana institusi zakat melaksakan satu sistem zakat yang terbaik, cekap dan berkesan. Dalam hal ini, institusi zakat tidak boleh lagi menggunakan pendekatan lama dalam menghadapi cabaran-cabaran ini. Amalan pengurusan risiko yang baik mampu menangani cabaran-cabaran ini dan seterusnya menjadikan institusi zakat lebih mampan dan ditadbir urus dengan baik bagi memenuhi amanah yang selaras dengan ajaran Islam serta kehendak dan jangkaan pemegang taruh.

PELAKSANAAN AMALAN PENGURUSAN RISIKO

Bagi memastikan cabaran-cabaran yang dibincangkan sebelum ini dapat ditangani dengan berkesan, pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang sistematik amat diperlukan. Beberapa faktor patut diambil kira oleh institusi zakat untuk memastikan pelaksanaannya berjaya. Antara faktor-faktor tersebut ialah sistem organisasi, modal insan dan proses pelaksanaan.

Sistem organisasi merujuk kepada keadaan atau struktur perjalanan sesebuah organisasi. Ini termasuklah infrastruktur dan teknologi yang wujud dalam organisasi. Ini menuntut institusi zakat untuk memperuntukkan sejumlah dana bagi memastikan prasarana yang disediakan boleh membantu pelaksanaan pengurusan risiko dengan baik.

Modal insan pula merujuk kepada pihak yang melaksanakan pengurusan risiko. Ini merangkumi ahli lembaga pengarah, pihak pengurusan atasan dan ketua jabatan/unit. Selaku pihak yang berkuasa penuh di atas perjalanan sesebuah organisasi, gaya kepimpinan pihak pengurusan cukup penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan amalan pengurusan risiko yang baik. Cara kerja, budaya dan komitmen yang diberikan oleh pihak ini akan mempengaruhi bagaimana sesuatu risiko itu dikendalikan. Di samping itu, pihak pengurusan juga sewajarnya memberikan pendedahan tentang kefahaman risiko kepada pekerja. Pemahaman yang jelas membantu para pekerja memahami akan kepentingan, kesan dan akibat sesuatu risiko itu kepada organisasi. Pemahaman yang jelas tentang sesuatu risiko juga akan memastikan bahawa setiap risiko itu ditangani secara betul dan holistik, seterusnya pada masa yang sama objektif organisasi akan dapat dipenuhi. Selain daripada itu, pihak organisasi juga sepatutnya memiliki kepakaran dalam aspek pengurusan risiko. Latihan dan pendedahan kepada pengurusan risiko akan membantu kakitangan institusi zakat dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap aspek pengurusan risiko agihan dan kutipan zakat.

Faktor terakhir yang patut dipertimbangkan dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik ialah berkaitan proses pengurusan risiko. Ini menuntut kepada satu kerangka yang jelas dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang baik. Kerangka ini juga digunakan dalam organisasi korporat. Antara kerangka yang boleh dipertimbangkan ialah ISO 31000 dan kerangka *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* (COSO). Pemilihan proses dan kerangka ini dipengaruhi oleh saiz, kompleksiti dan pentadbiran institusi zakat.

KESIMPULAN

Amalan pengurusan risiko adalah satu perkara yang penting bagi setiap organisasi. Namun demikian, pengurusan risiko ini hanya ditekankan dalam sektor korporat terutamanya syarikat senaraian awam dan sektor perbankan. Penekanan amalan pengurusan risiko yang baik masih lagi rendah dalam kalangan institusi zakat sedangkan institusi ini amat penting bagi penjana ekonomi umat Islam. Kepentingan amalan pengurusan risiko dalam kalangan institusi zakat tidak boleh sesekali diabaikan memandangkan institusi zakat adalah alat untuk mencapai kemaslahatan ekonomi dan sosial umat Islam. Justeru, institusi zakat tidak terkecuali dalam mengamalkan pengurusan risiko yang baik sebagai yang berlaku dalam sektor korporat. Artikel ini membincangkan tentang kepentingan amalan pengurusan risiko yang baik untuk institusi zakat, cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh institusi zakat dan bagaimana untuk melaksanakannya bagi memastikan kelestarian institusi zakat dalam jangka masa panjang. Artikel ini menjadi asas untuk kajian selanjutnya yang boleh membangunkan kerangka model pengurusan risiko yang bersesuaian dengan institusi zakat memandangkan struktur institusi zakat antara negeri juga berbeza. Di samping itu, kajian selanjutnya juga boleh dijalankan dengan mengkaji risiko-risiko yang penting untuk dikendalikan oleh institusi zakat terutamanya melibatkan aktiviti kutipan dan agihan zakat. Ini sekaligus dapat memastikan setiap risiko tersebut dapat dikenalpasti dengan tepat bagi membolehkannya dikendalikan

dengan berkesan, seterusnya memberi kesan yang positif kepada institusi zakat. Hal ini akan mampu meningkatkan lagi tadbir urus institusi zakat dan secara tidak langsung akan membolehkan kemaslahatan umat Islam di Malaysia terpelihara secara keseluruhannya.

Penghargaan: Penulis-penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang membiayai kajian ini dan Institut Penyelidikan & Inovasi Zakat (IPIZ) serta Universiti Utara Malaysia yang menyokong sehingga kajian ini disiapkan.

RUJUKAN

- Abdullah, A., Ismail, K. N. I. K., & Isa, N. M. (2015). Risk Management Committee and Disclosure of Hedging Activities Information Among Malaysian Listed Companies. *Advanced Science Letters*, 21(6), 1871–1874.
- AIRMIC, Alarm, IRM (2010). A Structured Approach to Enterprise Risk Management (ERM) and the requirements of ISO 31000.
- Ali, M. M., Besar, S. S. N. T., & Mastuki, N. (2017). Audit Committee Characteristics, Risk Management Committee and Financial Restatements. *Advanced Science Letters*, 23(1), 287-291.
- Hassan, M.S., Mohd Saleh, N., Yatim, Y. & Che Abdul Rahman M.R., (2012). Risk Management Committee and Financial Instrument Disclosure. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 3: 13-28.
- Hj Togok, S., Isa, C. R., & Zainuddin, S. (2016). Enterprise Risk Management Adoption in Malaysia: A Disclosure Approach. *Asian Journal of Business and Accounting*, 9 (1), 83-104.
- Ishak, S. & Md Yusof, M. 'A. (2013). The Formation Of Separate Risk Management Committee And The Effect On Modified Audit Report, *Malaysian Management Journal*, 17, 43-58
- ISO31000 (2010). <https://www.iso.org/iso-31000-risk-management.html>
- Laporan Tahunan Lembaga Zakat Negeri Kedah 2016.
- Md Hussain, Md Hairi & Md. Idris, Kamil & Saad, R.A. J. (2012). *Ketelusan di dalam Tadbir Urus Institusi Zakat*. In: Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat Di Malaysia, 25-27 November 2012, My Hotel, Langkawi, Kedah
- Mohd Ghazali, N. A. (2012). Risk Management and Disclosure in Malaysian Corporations: Managerial Perceptions, *International Journal of Behavioral Accounting and Finance*, 3 (1/2), 107-125.
- Wahid, H., Ahmad, S. & Abdul Kader, R. (2012). Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 3, 71-83.

Yatim, P. (2010). Board Structures and the Establishment of a Risk Management Committee by Malaysian Listed Firms, *Journal of Management & Governance*, 14 (1), 17-36.